

PM pesan ambil langkah berjaga-jaga

Kota Kinabalu, Datuk Seri Najib Razak berharap semua pihak yang berada di kawasan terjejas akibat gempa bumi di Ranau, mengambil langkah berjaga-jaga.

Perdana Menteri menerusi laman Twitter beliau turut memberi jaminan kerajaan akan memastikan bantuan sentiasa tersedia kepada mereka yang terabait.



PASUKAN bomba membantu mengangkat seorang pendaki turun.



239 pendaki terkandas

Ranau: Seramai 130 pendaki di Gunung Kinabalu selamat tiba di Pondok Timpohon. Gunung Kinabalu, di sini, jam 4.30 pagi semalam.

Mereka dibawa turun susulan gempa bumi bermagnitud 5.2 berpusat di sini, malam kelmarin.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah, Khairul Azuwan Ibrahim berkata, ketika gempa berkenaan, seramai 239 individu berada di Gunung Kinabalu.

Katanya, ia turut membabitkan 42 malim gunung, porter (empat), kakitangan Sutera Harbour (30), pekerja binaan (empat), kakitangan Taman-Taman Sabah (enam), SAR TTS (lima), Pasukan Khas Mencari dan Menyelamat Gunung (MOSAR) (enam), pasukan mencari dan menyelamat (SAR), dan petugas Mountain Torq (12).

"Kesemua mereka selamat tiba secara berperingkat dari jam 1.30 hingga 4.30 pagi," katanya ketika

ditemui di lokasi kejadian, semalam.

Khairul Azuwan berkata, operasi SAR membabitkan 76 orang pelbagai agensi, termasuk bomba, Pasukan Khas Taktikal Operasi Menyelamat Malaysia (STORM), MOSAR, polis, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Kementerian Kesihatan dan kakitangan TTS.

"Ketika operasi SAR, semuanya dalam keadaan terkawal dan tiada kejadian tidak diingini. Walaupun ada laluan runtuh, keadaan terkawal," katanya.

Katanya, operasi SAR kali ini terkawal berikutan bomba dan agensi lain memiliki pengalaman ketika gempa bumi tiga tahun lalu.

"Anggota keselamatan mengambil langkah cepat bagi memastikan semua mangsa di Gunung Kinabalu selamat," katanya.



kerana isteri dan anaknya selamat walaupun mereka gagal untuk menawan puncak gunung Kinabalu.

Malah, dia turut berterima kasih kepada malim gunung dan pasukan penyelamat yang banyak membantu membawa mereka turun ke Pondok Timpohon.

Seorang lagi pendaki, Dominic Chee, 50, berkata, sepanjang

mendaki gunung, ini pertama kali merasai gegaran yang kuat.

"Gegaran sangat kuat sampai penginapan bergoyang, manakala katil di penginapan kami bergegar.

"Saya juga merasai gegaran beberapa kali disusuli dentuman kuat," katanya yang mahu datang semula untuk melengkapkan impian sampai ke puncak Gunung Kinabalu.



PENDAKI baru tiba ke Timpohon Gate.